

Roslan aku jarang sekali dimarahi

BH 31/10/2003 - 22 PRECISE

TAHUKAH anda bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah meredah hutan di kawasan Prang Besar di Sepang, Selangor yang kini dikenali sebagai Putrajaya?

Ketika itu, mungkin Perdana Menteri seorang saja yang tahu kawasan hutan paya bagaikan tempat 'jin bertendang' itu berpotensi untuk dibangunkan.

"Ketika itu, saya ingat PM cuma meredah hutan untuk bersuka-suka menunggang kuda seperti biasa. Tidak lama kemudian, kawasan itu ditunjuk untuk dibangunkan dan kini dikenali Putrajaya," kata pengawal peribadi Perdana Menteri, Sarjan Mejar Roslan Othman.

Sumber lain berkata, menjadi kelaziman Dr Mahathir merahsiakan sesuatu projek pembangunan yang dirancangkannya bagi mengelak golongan yang cuba mengambil kesempatan mengaut keuntungan segera.

Roslan yang bertugas sebagai pengawal peribadi Perdana Menteri sejak 1981, berkata sejak Putrajaya dilaksanakan, Dr Mahathir sentiasa mengawasi pembangunannya.

"Ketika KLCC masih dalam pembinaan, PM pernah naik menggunakan lif pekerja hingga ke tingkat 80 dan 84. Bayangkan lif itu untuk pekerja mengangkut alat pembinaan sehingga terasa seperti tidak stabil.

"Malah, dari tingkat 80, PM berani menjenguk ke bawah untuk melihat kerja pembinaan serta suasana sekitar, dengan berdiri di tepi bangunan yang sedang dibina. Kita tak berani tetapi beliau sanggup," katanya.

Roslan berkata, selepas KLCC siap sepenuhnya, Dr Mahathir kerap berkunjung ke situ pada hujung minggu.

Katanya, Perdana Menteri antara lain akan singgah di kedai buku atau pasar raya Isetan di pusat belibelah terkemuka itu.

Dr Mahathir tidak gemar bunyi siren kereta peronda polis yang mengiringinya ke acara tertentu apabila ia dibunyikan di lokasi kurang tepat, seperti melalui jalan kampung yang boleh mengejutkan orang ramai.

Roslan Othman

"Di KLCC, PM biasanya membeli buku dan di situlah Dr Mahathir mengambil masa agak lama memilih buku kegemarannya. Begitu juga apabila berada di luar negara," katanya.

Dari segi makanan, Dr Mahathir, tidak cerewet. Beliau cuma makan sekeping roti bakar pada waktu pagi sebelum ke pejabat.

Ada satu perkara yang beliau tidak gemar, iaitu bunyi siren kereta peronda polis yang mengiringinya ke acara tertentu terutama apabila ia dibunyikan di lokasi kurang tepat, seperti jalan kampung yang boleh mengejutkan orang ramai.

Dr Mahathir dikatakan tidak pernah atau jarang sekali memarahi kakitangannya.

"Perdana Menteri lebih suka kita berterus terang. Kalau silap, beliau tak marah. Sebaliknya, Perdana Menteri akan menasihati lain kali jangan buat lagi," katanya.

Roslan berkata, dalam penerbangan jet Global Express Dr Mahathir juga menghabiskan masanya untuk menulis atau membaca buku, kemudian akan melelapkan matanya pada separuh perjalanan.